



Ruj. Kami : SUK.Ps. 05/002 Jld.20 (24)
Tarikh : 2 Januari 2025

SEGERA

SEPERTI SENARAI EDARAN

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah Dato'/ YBras Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

PROSES KERJA DAN BATAS MASA PENYEDIAAN KERTAS-KERTAS YANG AKAN DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN) PERLIS DAN PENYEDIAAN RINGKASAN EKSEKUTIF

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil.3/2024 pada 17 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana yang dimaklumkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil.3/2024, bermula 1 Januari 2025, setiap kertas pertimbangan dan kertas pemakluman yang perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) perlu dibincangkan bersama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk diluluskan bagi diangkat ke Mesyuarat MMKN.

3. Dalam hubungan ini, bersama-sama ini dikemukakan **carta alir proses** penyediaan kertas MMKN serta **batas masa** penghantaran kertas tersebut seperti di **LAMPIRAN A**. Justeru, pihak Yang Berhormat / Sahibus Samahah Dato'/ YBras Dr/ Ir/ Tuan/ Puan adalah diminta untuk **merujuk carta alir dan mematuhi batas waktu terkini seperti di LAMPIRAN A dalam sebarang penyediaan kertas-kertas MMKN yang akan datang**. Sekiranya proses kerja dan batas masa yang ditetapkan tidak dipatuhi, kertas tersebut **tidak akan dipertimbangkan** untuk dibentangkan dalam Mesyuarat **MMKN** pada minggu tersebut.

4. Selain itu, bagi melancarkan lagi aturan urusan mesyuarat MMKN, setiap jabatan dan agensi perlu mengemukakan *Executive Summary* Atau Ringkasan Eksekutif yang disertakan bersama kertas sebenar dengan Ringkasan Eksekutif tersebut hendaklah **tidak melebihi 3 muka surat**. Bersama- sama ini dikemukakan **format ringkasan eksekutif seperti di LAMPIRAN B**.

5. Perhatian dan kerjasama daripada Yang Berhormat/ Sahibus Samahah Dato'/ YBrs Dr/ Ir/ Tuan/ Puan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"TAHUN MELAWAT PERLIS 2024-2025"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' RAHIMI BIN ISMAIL)

s.k - YAB Menteri Besar Perlis

SENARAI EDARAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
2. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
3. Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB Menteri Besar
4. Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri)
5. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
6. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pentadbiran Daerah)
7. Setiausaha Bahagian (Bahagian Khidmat Pengurusan)
8. Setiausaha Bahagian (Bahagian Kerajaan Tempatan)
9. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan & Pengurusan Hartanah)
10. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat)
11. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol dan Istiadat)
12. Setiausaha Bahagian (Unit Pengurusan Korporat & Integriti)
13. Ketua Unit (Unit Audit Dalam)
14. Pengarah Majlis Sukan Negeri

JABATAN / AGENSI / BADAN BERKANUN / PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI


1. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis
2. YB Pegawai Kewangan Negeri Perlis
3. Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perlis
4. YAA. Ketua Hakim Syarie Negeri Perlis
5. Setiausaha Sulit Kanan Kepada DYMM Tuanku Raja Perlis
6. Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
7. Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis
8. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis
9. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis
10. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perlis
11. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis
12. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis
13. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
14. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
15. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar

16. Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
17. Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
18. Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Incorporation
19. Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
20. Pengarah Yayasan Islam Perlis
21. Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Perlis

JABATAN PERSEKUTUAN

1. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Perlis

CARTA ALIR PROSES PENYEDIAAN KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (MMK) NEGERI PERLIS



Rujukan Pihak Yang Perlu Mengambil Tindakan:

Tindakan Jabatan/Agensi
penyedia Kertas MMK

Tindakan Pejabat YB
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tindakan Pejabat DUNMMK



**RINGKASAN EKSEKUTIF KERTAS
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (MMKN)
NEGERI PERLIS**

**JABATAN:
TAJUK KERTAS :**

RUJUKAN:

PERKARA	KETERANGAN
1. Tujuan	
2. Latar Belakang	
3. Punca Kuasa / Dasar / Asas Pertimbangan	
4. Ulasan Jabatan/Agensi <i>(ulasan terperinci jabatan / agensi adalah seperti pada setiap Kertas Pertimbangan dan Kertas Makluman yang berkenaan pada kertas asal</i>	

LAMPIRAN B

5. Syor Jabatan / Agensi	
-------------------------------------	--

** Tidak Melebihi 3 muka surat*